

Dr. Mahathir kesal projek di pedalaman amat kurang

PEGAWAI-pegawai Kerajaan yang "terlalu sibuk dengan urusan-urusan lain" hari ini digesa mengubah sikap supaya masyarakat luar bandar yang merupakan golongan rakyat yang miskin dan tidak berkemampuan, tidak teres tenggelam dalam kemiskinan.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, dalam membuat gesaan itu, berkata dari maklumat yang diterima terlalu sedikit projek Kerajaan yang dilaksanakan di kampung-kampung terpencil dan terbiar kerana kampung-kampung tersebut jarang-jarang sekali dilawati oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

"Ini mungkin kerana tidak ada kejadian penting di kawasan berkenaan dan pegawai-pegawai Kerajaan pula terlalu sibuk dengan urusan-urusan yang lain," kata Timbalan Perdana Men-

teri ketika merasmikan Persidangan Pegawai-pegawai Daerah dan Jabatan di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi dan ikhlas dalam menjalankan tugasnya dengan berorientasikan pembangunan," kata beliau lagi.

Ubah sikap

Katanya, Pegawai-pegawai Daerah yang merupakan perantaraan antara Kerajaan dan rakyat, perlu mengubah sikap supaya sesuai dengan perubahan masa dan keadaan bagi membolehkan masyarakat menikmati rancangan-rancangan Kerajaan sepenuhnya.

Bellau menambah kejayaan atau kegagalan tiap-tiap rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan adalah bergantung kepada kelicinan jentera Kerajaan.

KUALA LUMPUR, Khamis

Dato Seri Dr. Mahathir berkata tujuan Kerajaan mengadakan persidangan itu adalah atas kesedaran untuk memperbaiki lagi jentera pentadbirannya supaya polisi-polisi Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lancar, terutamanya dalam menjalankan projek-projek pembangunan yang sedang pesat di masa ini.

Katanya, pegawai-pegawai pentadbir di peringkat daerah, terutamanya Pegawai-pegawai Daerah dan Jabatan merupakan alat perantaraan yang paling penting dan berkesan untuk menghubungkan Kerajaan dengan masyarakat.

"Tugas Pegawai Daerah masa ini adalah lebih kompleks dan penuh cabaran kerana mereka terpaksa berorientasikan pembangunan dan kemajuan dan tidak lagi kepada pentadbiran yang routine seperti di zaman penjajah

dahulu," katanya.

Menyentuh usaha Kerajaan membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat selaras dengan DEB, Dato Seri Dr. Mahathir berkata pelaksanaanannya memerlukan kerjasama Pegawai-pegawai Daerah supaya dapat ditentukan semua rancangan Kerajaan itu berjalan dengan lincin dan kemajuannya dapat dinikmati oleh semua rakyat jelata.

Jelasnya, Kerajaan telah mengadakan beberapa projek pembangunan, mengadakan peluang-peluang pekerjaan, pembukaan tanah-tanah baru, menyediakan prasarana-prasarana sosial dan fizikal di kawasan-kawasan kurang maju, mengadakan rancangan rumah-rumah murah, sambil memberikan kredit, subsidi dan khidmat nasihat bagi meninggikan lagi taraf ekonomi penduduk luar bandar.

"Dalam hubungan ini, Pegawai-pegawai Daerah mestilah memainkan peranan mereka seperti yang dikehendaki supaya dapat diperlicinkan lagi sebarang peralipian bagi memulakan projek usaha-hasama dengan pelabur-pelabur dari Eropah dan Amerika Syarikat yang telah bersedia datang ke Malaysia, terutamanya untuk mendapatkan tapak yang sesuai," tambah beliau.

Pelaksanaan

Timbalan Perdana Menteri berkata merasa kesal kerana hanya sejumlah 7,342 projek yang diterima maklum balas kemajuannya bagi suku tahun pertama tahun ini, padahal Sistem Komputer Pengesanan Projek di Jabatan Perdana Menteri telah mendapat maklum balas bagi 13,443 projek.

"Kadar response sebanyak 54.6% ini belum begitu memuaskan kerana dari jumlah 7,342 maklum balas yang diterima itu, pusat komputer dapat mengesan bahawa 327 projek mengalami masalah kelambatan pengambilan tanah," jelasnya.

Bellau juga menyeru semua pegawai yang terlibat dalam menjalankan klasifikasi kampung memberikan kerjasama bagi membolehkan usaha itu disempurnakan secepat mungkin dan dengan cara itu pembahagian, peruntukan pembangunan dalam kawasan-kawasan bandar dan luar bandar akan lebih saksama.

Timbalan Perdana Menteri berkata Kerajaan juga bercadang untuk mengadakan persidangan bagi ketua-ketua kampung di seluruh negara tahun depan dengan tujuan mendampingi mereka dengan pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat pusat.

Katanya, dengan cara demikian ketua-ketua kampung itu berpeluang mengemukakan kesulitan dan pendapat mereka supaya dapat membantu Kerajaan membangunkan negara sesuai dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional yang berjihad rakyat.

No. Ser: 1452

No. Pen: 1123/80

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia